

Parlimen: Kerajaan Tidak Pernah Keluar Kebenaran Jual Konsesi Lebuhraya MEX - Najib
Bernama
14 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan tidak pernah memberikan kebenaran terhadap cadangan penjualan konsesi Lebuhraya MEX kepada EP Manufacturing Berhad.

Najib berkata hal ini kerana beberapa perkara dasar berhubung konsesi lebuhraya itu masih diteliti oleh pihak kerajaan.

"Oleh yang demikian tidak timbul keperluan untuk kerajaan mengkaji pengambil alihan Lebuhraya MEX," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Tony Pua Kiam Wee (DAP-Petaling Jaya Utara) di Parlimen Khamis.

Tony Pua mengajukan soalan tentang mengapa Lebuhraya MEX akan diberikan kebenaran untuk menjual konsesi lebuhraya itu kepada EP Manufacturing Berhad.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673015>